

23/04/1997

BBMB sertai projek kad pintar

BANK Bumiputra Malaysia Berhad bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (dulunya Universiti Pertanian Malaysia), Time Engineering Berhad, Dewina Berhad, Medas Corporation Berhad dan Modular Corporation (M) Sdn Bhd untuk membangunkan versi pertama kad pintar pelbagai guna, iaitu salah satu daripada tujuh elemen utama Koridor Raya Multimedia (MSC).

Projek yang dikenali sebagai ID-MAS UPM akan membolehkan kakitangan dan pelajar Universiti Putra Malaysia membuat langkah awal melaksanakan pelbagai tindakan seperti pengenalan identiti, mencapai pangkalan data dan halaman web, membuat pembayaran melalui dompet elektronik dan menyediakan rekod peribadi.

Pada tahap ini, ia menghampiri suasana percubaan terhadap penggunaan kad pintar antara kampus induk universiti. BBMB akan terbabit di dalam aspek kewangan iaitu perbankan dan pembayaran.

Kad pintar antaranya akan digunakan sebagai kad ATM, kad debit, kad kredit dan buku bank. Dari aspek pembayaran pula kad itu akan digunakan sebagai dompet elektronik di mana nilai tunai akan dimasukkan ke dalam kad menggantikan wang tunai.

Beberapa faedah dari penggunaan kad pintar ini ialah fungsi beberapa kad bank di dalam satu kad, tiada wang tunai yang terbabit, memberi kepuasan kepada pemegang kad dan menyediakan satu sistem keselamatan yang ketat.

Projek ini juga menjadi projek percubaan kad pintar pelbagai guna nasional dengan beberapa aplikasi seperti sistem capaian keselamatan, pembayaran, perbankan dan perdagangan elektronik.

Pembabitan BBMB di dalam projek ini akan menjurus kepada penyelidikan terhadap pembangunan produk, perkhidmatan dan pengeluaran.

Ia juga membantu pihak bank mengenal pasti semula dan memperbaiki prosedur standard operasi berdasarkan penemuan projek yang secara tidak langsung dapat membantu di dalam penyediaan pelaksanaan kad pintar pelbagai guna nasional bagi rakyat Malaysia.

Satu majlis pelancaran secara simbolik telah dilakukan oleh ketua pegawai eksekutif BBMB merangkap pengarah eksekutif, Datuk Abdul Aziz Othman bersama dengan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia dan ketua eksekutif Time Engineering Berhad, Dewina Berhad, Medas Corporation Berhad dan Modular Corporation (M) Sdn Bhd pada awal bulan ini di Universiti Putra Malaysia.

Majlis itu turut disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)